EVOLUSI DEKAD 7

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة قوستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

JULAI

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

PROGRAM JELAJAH ILMU
@DATARAN KOMPLEKS PLATINUM SEMPENA PROGRAM FIT & FAITHFUL

2 Julai 2026
Oleh: Norairin Natasya Zulkifli



Warga staf yang menyokong Ptogram Jelajah Ilmu

BUKIT BESI, 2 Julai – Program Jelajah Ilmu @ Dataran Kompleks Platinum sempena Program Fit & Faithful telah dilaksanakan pada 2 Julai 2026 (Khamis), bertempat di Dataran Kompleks Platinum, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Program ini melibatkan penyertaan seramai 105 orang yang terdiri daripada warga kampus.

Program telah berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang dengan penglibatan warga UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Pelaksanaan program secara bersemuka di Dataran Kompleks Platinum memberikan peluang kepada pihak Perpustakaan Cendekiawan untuk berinteraksi secara langsung dengan warga kampus serta memperkenalkan perkhidmatan dan aktiviti perpustakaan.

Program ini turut menjadi salah satu medium bagi menggalakkan budaya membaca dan pembudayaan ilmu dalam kalangan warga kampus menerusi pendekatan yang lebih santai dan interaktif.



Sepanjang program berlangsung

SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI